

15/11/1999

Azmi enggan ulas

KUALA LUMPUR, Ahad - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, enggan mengulas mengenai spekulasi kemungkinan beliau akan menjadi Menteri Besar Perlis, sekiranya menang dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, keputusan muktamad terletak di tangan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam hal seperti ini, saya akur dengan sebarang keputusan pucuk pimpinan.

"Tetapi buat masa ini saya masih suka bekerja di Kuala Lumpur dan jika boleh ingin terus berkhidmat di peringkat Pusat," katanya ketika dihubungi hari ini.

Azmi adalah antara calon yang dikatakan bakal menggantikan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, yang diramalkan digugurkan atau dipindah ke kerusi Parlimen.

Shahidan diramal akan digugurkan atau dipindah ke kerusi Parlimen kerana didakwa sukar menyatupadukan ahli Umno di sana.

Azmi berkata semua pemimpin BN di Perlis sekarang tidak mahu memikirkan mengenai siapa yang akan menjadi calon.

(END)